



KENYATAAN MEDIA

CYBERJAYA

11 September 2023

OPERASI STARLINK DI MALAYSIA

Merujuk kepada laporan oleh sebuah portal teknologi, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin menjelaskan isu berkaitan kemungkinan gangguan kepada perkhidmatan telekomunikasi sedia ada dan kajian kewujudan bersama melibatkan Starlink.

MCMC berpandukan kepada kerangka yang disediakan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU), khususnya Peraturan Radio ITU ketika membuat keputusan berkaitan peruntukan dan pengurusan gangguan spektrum. Perkhidmatan satelit adalah secara asasnya global, dan Peraturan Radio ITU menyediakan kerangka global untuk menyelaraskan dan mengawal perkhidmatan ini. Ia dengan jelas menggariskan kriteria perlindungan termasuk kewajipan untuk mencegah gangguan berbahaya kepada perkhidmatan sedia ada dan prosedur untuk menyelesaikan pertikaian gangguan, jika ada. Operasi Starlink di Malaysia adalah selaras dengan kerangka antarabangsa.

Setakat kini, tiada aduan yang diterima mengenai gangguan yang dilaporkan. Sekiranya berlaku sebarang gangguan, ia akan diatasi melalui penyelesaian gangguan sedia ada mengikut kerangka kebangsaan dan antarabangsa.

Starlink telah diberi status Malaysia Digital, yang membenarkannya beroperasi di Malaysia dengan status pemilikan semasa. Keputusan ini dibuat berdasarkan penilaian dan manfaat yang akan diberikan oleh Starlink. Sebelum mengeluarkan lesen tersebut, MCMC telah mengadakan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan untuk memastikan pertimbangan mereka diambil kira.

MCMC kekal komited dalam melindungi kepentingan orang awam dan memastikan semua perkhidmatan telekomunikasi, termasuk yang disediakan oleh Starlink, beroperasi dengan mematuhi standard dan peraturan.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

